

INTERAKSI AL-QURAN TERHADAP KALIMAH QALB, SHADR, FUAD DAN LUBB

AL-QUR'AN INTERACTION ON QALB, SHADR, FUAD AND LUBB WORDS

Amrina Rasyada binti Kamaruzaman¹

Shafwan Ismail²

Noorhanis Amran³

Rosnani Ripin⁴

Junaidi Che Ariffin⁵

¹Jabatan Pengajian Al-Quran dan Hadis, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15370 Kota Bharu, Malaysia, (Email: amrina.rasyada93@gmail.com)

²Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15370 Kota Bharu, Malaysia, (Email: ismailshafwan@gmail.com)

³Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15370 Kota Bharu, Malaysia, (Email: hanisnoor91@gmail.com)

⁴Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15370 Kota Bharu, Malaysia. (Email: rosnani@kias.edu.my)

⁵Jabatan Pengajian Al-Quran dan Hadis, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15370 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia, (Email: padi_ahmad@yahoo.com)

Article history

Received date : 23-10-2024

Revised date : 24-10-2024

Accepted date : 30-11-2024

Published date : 8-12-2024

To cite this document:

Kamaruzaman, A. R., Ismail, S., Amran, N., Ripin, R., & Che Ariffin, J. (2024). Interaksi Al-quran terhadap kalimah qalb, shadr, fuad dan lubb. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (68), 1-14.

Abstrak: Allah SWT menurunkan al-Quran dalam Bahasa Arab supaya manusia (menggunakan akal untuk) memahaminya (QS 12:2). Kalimah qalb, shadr, fuad dan lubb yang terdapat dalam Al-Quran merujuk kepada pelbagai aspek keadaan hati dan pemikiran manusia yang memainkan peranan penting dalam pembangunan spiritual dan moral individu. Setiap kalimah ini membawa makna yang unik namun saling berkaitan. Memahami perkaitan antara kalimah-kalimah ini adalah kunci untuk menggunakan ayat Al-Quran dengan menepati kehendak ayat. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis dan memahami hubungan serta interaksi antara kalimah qalb, shadr, fuad dan lubb dalam Al-Quran. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks iaitu dengan memfokuskan kepada ayat-ayat Al-Quran yang terdapat qalb, shadr, fuad, dan lubb. Analisis makna pula merujuk kepada tafsir dan hadis untuk mengetahui konteks setiap kalimah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa qalb berfungsi sebagai pusat spiritual yang mempengaruhi keadaan shadr, yang merupakan tempat pengalaman emosi. Fuad, yang merujuk kepada perasaan mendalam, dipengaruhi oleh keadaan qalb dan shadr. Lubb, yang menggambarkan kebijaksanaan dan pemahaman mendalam, adalah hasil dari interaksi antara qalb, shadr, dan fuad. Kesimpulannya dengan memahami hubungan antara qalb, shadr, fuad, dan lubb ini dalam Al-Quran dapat membantu umat Islam menggunakannya dengan betul dan tepat kerana makna yang didapati hampir namun tetap wujud perbezaannya.

Kata Kunci: *Qalb, Fu'ad, Shadr, Lubb, Interaksi Al-Quran*

Abstract: Allah SWT revealed the Qur'an in Arabic so that people (use reason to) understand it (QS 12:2). The words *qalb*, *shadr*, *fuad* and *lubb* found in the Al-Quran refer to various aspects of the human heart and mind that play an important role in the spiritual and moral development of individuals. Each of these words carries a unique but interconnected meaning. Understanding the relationship between these words is the key to using the verses of the Qur'an in accordance with the wishes of the verses. This article aims to analyze and understand the relationship and interaction between the words *qalb*, *shadr*, *fuad* and *lubb* in the Quran. This study uses a textual analysis approach by focusing on the verses of the Qur'an that contain *qalb*, *shadr*, *fuad*, and *lubb*. Meaning analysis refers to interpretation and hadith to know the context of each word. The findings of the study show that the *qalb* functions as a spiritual center that affects the state of *shadr*, which is the place of emotional experience. *Fuad*, which refers to deep feelings, is influenced by the state of *qalb* and *shadr*. *Lubb*, which describes wisdom and deep understanding, is the result of the interaction between *qalb*, *shadr*, and *fuad*. In conclusion, by understanding the relationship between *qalb*, *shadr*, *fuad*, and *lubb* in the Al-Quran, it can help Muslims use it correctly and precisely because the meaning is found to be close, but the difference still exists.

Keywords: *Qalb, Fu'ad, Shadr, Lubb, Interaction of Al-Quran*

Pengenalan

Al-Quran merupakan mukiizat agung diturunkan sebagai petunjuk utama bagi umat Islam. Petunjuk ini telah lengkap meliputi aspek kehidupan termasuk keadaan hati dan minda manusia. Dalam konteks ini, istilah-istilah seperti *qalb*, *shadr*, *fuad*, dan *lubb* sering muncul dan menggambarkan makna. Artikel ini bertujuan untuk membahas makna dan interaksi antara kalimah-kalimah ini menurut perspektif Al-Quran.

Menurut Kamaruzaman et.al (2023), penggunaan perkataan *qalb*, *shadr* dan *fu'ad* mempunyai kaitan satu sama lain yang membawa maksud iaitu hati, akan tetapi terdapat perbezaan dari segi konteks dan tujuan. Menurut Jalil (2016) dalam kajiannya yang bertajuk Konsep Hati Menurut Al-Ghazali, hati merupakan tempat kejiwaan yang diciptakan Allah kepada manusia kerana hati adalah anugerah yang paling penting. Disebabkan itu Allah menciptakan hati kepada manusia bukanlah dipermainkan tetapi untuk digunakan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW:

أَلَا إِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

Bermaksud: “Ketahuilah, sesungguhnya di dalam tubuh manusia terdapat segumpal daging. Jika ia baik, seluruh tubuh baik. Jika ia rosak, maka rosaklah seluruh anggotanya. Ketahuilah (segumpal daging) itu ialah hati.” (HR. Muslim : 1599)

Sesetengah manusia berpendapat dengan mudah walaupun mulut berkata tidak baik tetapi hati baik. Perkara ini bersalahan jika menurut maksud hadis di atas kerana hati akan menterjemahkan bagaimana tindakan atau perbuatan seseorang. Hati juga menjadi tempat utama pandangan Allah SWT terhadap hambaNya. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ ، وَلَكِنْ إِنَّ اللَّهَ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak melihat rupa kamu dan harta kamu tetapi Allah melihat kepada hati dan amalan kamu. (Hadis Riwayat Muslim : 2564)

Manakala pembahagian hati terdiri daripada empat bahagian yang memiliki fungsi tersendiri serta saling mempunyai kaitan antara satu sama lain. Bahagian tersebut adalah *ash-shadr*, *al-qalb*, *al-fu`ad*, dan *al-lubb* (Ahmad Tajudin, 2015). *Ash-shadr* merupakan dada iaitu tempat bagi cahaya Islam dan tempat bagi tersimpannya segala pengetahuan ikhtiari manusia (pilihan) yang memiliki kemungkinan untuk lupa. Sedangkan *al-qalb* iaitu hati yang merupakan tempat bagi cahaya iman dan sumber dari ilmu hikmah dan isyarat. Manakala *al-fu`ad* merupakan sumber ma`rifat dan pengetahuan dari penyaksian secara langsung atau hati kecil. Yang terakhir adalah *al-lubb* yang merupakan puncak tertinggi dalam hati iaitu hati nurani. Ia adalah tempat bagi cahaya tauhid dan cahaya penyaksian terhadap Tuhan (Muvid, 2021).

Skop dan Metodologi Kajian

Pendekatan yang digunakan adalah secara kualitatif iaitu kaedah penelitian kepustakaan dan sorotan literasi bersumberkan *Google Scholar* dan *Attanzil* dengan carian subjek '*qalb*', '*shadr*', '*fuad*' dan '*lubb*'. Kajian ini turut sama menganalisis ayat-ayat al-Quran yang mengandungi kalimah-kalimah tersebut. Penelitian dilakukan terhadap empat kalimah ini kerana mempunyai makna yang sama namun didapati perbezaan diantaranya. Kajian ini juga merujuk kepada tafsir dan hadis untuk mengetahui secara terperinci akan huraian-huraiannya.

Analisa Penggunaan kalimah Qalb, Shadr, Fuad dan Lubb di dalam al-Quran

Dalam kajian ini hanya fokus kepada 20 ayat Qalb, sembilan ayat tentang Shadr dan lima ayat tentang fuad, dan 15 ayat tentang lubb yang disebut di dalam al-Quran dengan perkataan Ulul Albab.

Merujuk kepada Mu`jam Alfaz Al-Quran al-Karim (1989), kalimah qalb di dalam al-Quran القلب yang bermaksud hati iaitu organ dalam rongga yang mengawal peredaran darah dalam badan. Organ ini membantu membersihkannya dan menggerakkannya ke semua bahagian dalam badan termasuk otak. Hati merupakan alat perasaan dan pemikiran. Hati juga ada kaitan dengan minda atau akal fikiran. Imam al-Ghazali pula mendefinisikan *qalb* sebagai sesuatu yang halus, bersifat ketuhanan, kerohanian dan mempunyai hubungan yang erat dengan jantung. Kehalusan inilah yang mampu mencerap, mengetahui dan mengenali sesuatu perkara (Razif, 2019).

Kamus Dewan Edisi Pelajar (2017) mendefinisikan hati dengan beberapa takrifan iaitu yang pertama hati adalah satu organ yang berwarna perang kemerah-merahan di dalam tubuh yang mengeluarkan hempedu dan membersihkan darah. Kedua hati ialah tempat melahirkan segala perasaan atau secara batiniah. Yang ketiga hati bermaksud bahagian tengah pada sesuatu. Suardi dan Irda (2017) pula membawa maksud bahagian yang tinggi dari suatu benda menjadi bahagian yang rendah atau membalikkan bahagian pangkal suatu benda menjadi bahagian hujungnya. Dinamakan qalb kerana sifatnya yang *taqallub* iaitu berubah-ubah atau membolak-balik. Bentuk jamak dari *qalb* adalah *qulub* iaitu segumpal daging berupa fuad (lubuk hati) yang tergantung pada jantung.

قلب			
Bil	Ayat Al-Quran	Terjemahan Ayat	Sifat atau keadaan
1	قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ ﴿البقرة: ٩٧﴾	Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan Al-Quran ke dalam <u>hatimu</u> dengan izin Allah,	Hati tempat menerima al-quran
2	وَيُسْهِدُ اللَّهُ عَلَى مَا فِي قَلْبِهِ ﴿البقرة: ٢٠٤﴾	dan ia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam <u>hatinya</u> ,	Hati menjadi tempat Allah melihat
3	قَالَ بَلَىٰ وَلَٰكِن لِّيَطْمَئِنَّ قَلْبِي ﴿البقرة: ٢٦٠﴾	Nabi Ibrahim menjawab: "Bahkan (aku percaya dan yakin), akan tetapi (aku memohon yang demikian ialah) supaya tenteram <u>hatiku</u> (yang amat ingin menyaksikannya)".	Tujuan hati supaya tenang dan teguh
4	وَمَنْ يَكْتُمهَا فَإِنَّهُ آثَمُ قَلْبِهِ ﴿البقرة: ٢٨٣﴾	dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa <u>hatinya</u> .	hati berdosa
5	وَلَوْ كُنْتَ فَظًا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ ﴿آل عمران: ١٥٩﴾	dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras <u>hati</u> , tentulah mereka lari dari sekelilingmu	Sifat hati yang keras
6	وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ الْمَرْءِ وَقَلْبِهِ ﴿الأنفال: ٢٤﴾	dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) <u>hatinya</u> ,	Allah SWT mengetahui dan mengawal hati manusia.
7	مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أَكْرَهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ ﴿النحل: ١٠٦﴾	Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang <u>hatinya</u> tenang tenteram dengan iman.	Hati yang tenang dengan Islam.
8	وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرُطًا ﴿الكهف: ٢٨﴾	dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui <u>hatinya</u> lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah-lakunya pula adalah melampaui kebenaran.	hati yang lalai dari mengingati Allah.
9	إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿الشعراء: ٨٩﴾	"Kecuali orang-orang yang datang menghadap Allah dengan <u>hati</u> yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik).	hati yang bersih dan baik
10	عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿الشعراء: ١٩٤﴾	Ke dalam <u>hatimu</u> , supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia).	hati tempat menerima wahyu
11	لَوْلَا أَنْ رَبَطْنَا عَلَى قَلْبِهَا لِتَكُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿القصص: ١٠﴾	Jika tidaklah Kami kuatkan <u>hatinya</u> (dengan perasaan sabar dan tenang tenteram), supaya tetaplah ia dari orang-orang yang percaya (akan janji Allah).	Hati yang teguh

12	مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ ﴿الاحزاب: ٤﴾	Allah tidak sekali - kali menjadikan seseorang mempunyai <u>dua hati</u> dalam rongga dadanya	Hanya satu dua setiap hamba
13	فَلَا تَخْضَعَنَّ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿الاحزاب: ٣٢﴾	Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam <u>hatinya</u> (menaruh tujuan buruk kepada kamu).	Hati yang berpenyakit.
14	إِذْ جَاءَ رَبَّهُ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿الصافات: ٨٤﴾	Ketika ia mematuhi perintah tuhanNya dengan <u>hati</u> yang suci murni.	hati yang bersih dan sejahtera dari syirik.
15	كَذَلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَى كُلِّ قَلْبٍ مُنْكَرٍ جَبَّارٍ ﴿غافر: ٣٥﴾	Demikianlah Allah mengunci <u>hati</u> tiap-tiap orang yang sombong, ganas terhadap manusia.	Hati yang dikunci mati dari kebenaran.
16	فَإِنْ يَشَأْ اللَّهُ يُخْتِمْ عَلَى قَلْبِكَ ﴿الشورى: ٢٤﴾	jika Ia menghendaki - menutup <u>hatimu</u> (dan ingatanmu daripada menyatakan apa yang engkau telah nyatakan itu	Hati yang tertutup
17	وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَى عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَى سَمْعِهِ وَقَلْبِهِ ﴿الجاثية: ٢٣﴾	Ia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahuNya (bahawa ia tetap kufur ingkar), dan dikunci pula atas pendengaran dan <u>hatinya</u> ,	Hati yang terkunci hati
18	مَنْ خَشِيَ الرَّحْمَنَ الْعَلِيمَ وَجَاءَ بِقَلْبٍ مُنِيبٍ ﴿ق: ٣٣﴾	"(Iaitu) orang yang takut (melanggar perintah Allah) Yang Maha Pemurah, semasa tidak dilihat orang dan semasa ia tidak melihat azab Allah, serta ia datang (kepada Allah) dengan <u>hati</u> yang tunduk taat".	hati yang mahu kembali kepadaNya.
19	إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرٍ لِمَنْ كَانَ لَهُ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى السَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ ﴿ق: ٣٧﴾	Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat peringatan bagi orang - orang yang mempunyai hati atau yang menggunakan pendengaran sedang dia menyaksikannya.	hati sebagai tempat peringatan.
20	وَمَنْ يُؤْمِن بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ ﴿التغابن: ١١﴾	Dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin <u>hatinya</u> .	Hati tempat menerima hidayah

Shadr

Berdasarkan Mu'jam Alfaz Al-Quran al-Karim (1989), *Shadr* merupakan bahagian yang memanjang dari bahagian bawah leher ke ruang berongga, dan dalam Al-Quran dipanggil hati atau jantung kerana terletak pada bahagian dalam badan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), dada bermaksud bahagian tubuh yang terletak di antara perut dengan leher. Dada juga merupakan rongga atau ruang yang mengandungi jantung dan paru-paru.

Manakala makna lain bagi *shadr* menurut Suardi dan Irda (2017) adalah bahagian yang paling atas di bahagian depan dari segala sesuatu dan juga yang paling awal. *Shadr* merupakan dinding hati yang menerima cahaya keindahan yang berfungsi untuk merasakan dan menghayati. *Shadr*

menjadi tempat bisikan-bisikan jahat oleh syaitan dan tempat yang berkecamuk antara hak dan batil serta menjadi tempat menyimpan hasrat, kehendak, niat, kebenaran dan keberanian, di dalamnya juga tersimpan rasa cemas dan takut.

Menurut Susilawati (tt) dengan merujuk buku Ensiklopedia Al-Qur'an: Kajian Kosakata nukilan M. Quraish Shihab, shadr bermaksud dada, iaitu rongga tubuh yang menjadi tempat bagi jantung dan paru-paru. Dalam Lisān al-‘Arab dijelaskan dengan bahagian atas atau depan dari segala sesuatu, atau permulaan dari sesuatu. Akan tetapi di dalam al-Qur’an, tidak dinyatakan dengan makna yang dikedepankan atau dengan makna permulaan. Di dalam al-Qur’an, shadr bermaksud dada, fikiran, dan banyaknya membawa maksud hati.

Fungsi *Sadr* menurut Al-Hakim al-Tirmizi (2009) ialah sebagai ruang di mana hati dan nafsu bertemu, serta tempat bagi akal. Perumpamaannya, *sadr* adalah tempat mesyuarat bagi raja dan para pembesar dalam sebuah kerajaan. Sebagai tempat bagi akal, *sadr* berfungsi sebagai tempat untuk menghafal ilmu yang diperoleh melalui pelajaran dan didapati daripada kekuatan pancaindera. Contohnya, hukum-hakam, maklumat, dan semua ilmu yang disampaikan dengan lisan. Maka, *sadr* adalah seperti putihnya mata atau ruang bagi rumah atau tempat minyak bagi sebuah lampu, yang menampung sesuatu di dalam atau diluarnya.

صدر			
Bil	Ayat Al-Quran	Terjemahan Ayat	Sifat atau keadaan
1	فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي السَّمَاءِ (الأنعام: ١٢٥)	Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Allah melapangkan <u>dadanya</u> (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Ia menjadikan <u>dadanya</u> sesak sempit sesempit-sempitnya,	Dada yang lapang dan sempit
2	فَلَا يَكُنْ فِي صَدْرِكَ حَرَجٌ مِّنْهُ (الأعراف: ٢)	Janganlah ada perasaan bimbang dalam <u>dadamu</u> mengenainya,	Kebimbangan di dalam dada
3	فَلَعَلَّكَ تَارِكٌ بَعْضَ مَا يُوحَىٰ إِلَيْكَ وَضَائِقٌ بِهِ صَدْرُكَ (هود: ١٢)	Jangan-jangan engkau (wahai Muhammad) tidak menyampaikan sebahagian dari apa yang diwahyukan kepadamu serta merasa sempit <u>dada</u> untuk menyampaikannya disebabkan orang-orang yang ingkar itu berkata	dada merasa sempit
4	وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّكَ يَضِيقُ صَدْرُكَ بِمَا يَقُولُونَ (الحجر: ٩٧)	Dan demi sesungguhnya Kami mengetahui, bahawa engkau bersusah <u>hati</u> dengan sebab apa yang mereka katakan.	Dada sesuatu yang terdapat di dalam hati
5	وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْنَاهُمْ غَضَبٌ مِّنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ (النحل: ١٠٦)	akan tetapi sesiapa yang terbuka <u>hatinya</u> menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar.	Dada juga hati yang senang dengan kekufuran
6	قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي (طه: ٢٥)	Nabi Musa berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku, <u>dadaku</u> ;	Dada tempat lapang
7	وَيَضِيقُ صَدْرِي وَلَا يَنْطَلِقُ لِسَانِي فَأَرْسِلْ إِلَىٰ هَارُونَ (الشعراء: ١٣)	"Dan akan sempit pula <u>dadaku</u> serta tidak lancar lidahku; oleh itu utuskanlah	Dada yang sempit

		perintahMu kepada Harun (supaya ia membantuku)	
8	أَفَمَنْ شَرَحَ اللَّهُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ فَهُوَ عَلَى نُورٍ مِّن رَّبِّهِ (الزمر: ٢٢)	Jika demikian, adakah orang yang telah dilapangkan Allah <u>dadanya</u> untuk menerima Islam, lalu ia tetap berada dalam cahaya (hidayah petunjuk) dari Tuhannya,	Dada lapang dan tempat mendapat petunjuk
9	أَلَمْ تَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ (الشرح: ١)	Bukankah Kami telah melapangkan bagimu: <u>dadamu</u> ?	lapang dada dengan Islam, iman, hidayah

Fuad

Mengikuti Mu'jam Alfaz Al-Quran al-Karim (1989) di dalam bayan al-Farq, fuad juga sama makna dengan Qalb iaitu hati. Manakala Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) mendefinisikan fuad dengan hati atau kalbu iaitu hati yang jernih. Suardi dan Irda (2017) pula mentakrifkan fuad yang membawa maksud akal dan hati yang terletak di bahagian tengah. Dari pengertian ini terdapatnya persamaan antara makna fuad dan qalb. Adapun Kamal Hassan (2011), menyatakan al-Quran menggunakan perkataan al-fuad dan jamak al-af'idah yang bermaksud hati. Namun fuad turut berperanan yang sama dengan akal. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995:119) menyatakan hal ini kerana akal bukan sahaja terpakai untuk menapis data yang diperoleh melalui cerapan dan pengalaman semata-mata, malah ia bertujuan memahami kebenaran agama dan hakikat kewujudan Allah SWT.

Al-Hakim (2009) menjelaskan bahawa kalimah *fu'ad* diambil daripada kalimah *fa'idah*. *Fu'ad* melihat dengan *basirah* dan *qalb* menikmatinya dengan pengetahuan. Apabila *fu'ad* belum melihat, maka hati tidak akan dapat melihat manfaat dari apa yang diketahuinya. Digambarkan seperti orang buta yang berilmu. Ia tidak dapat menggunakan ilmunya sedikitpun ketika disuruh untuk menyaksikan atau melihat sesuatu, karena matanya tertutup untuk melihat. Syamsudin (2009) turut menyatakan fuad adalah sebahagian daripada qalb iaitu hati (jamak: qulub). *Fuad* adalah tempat melihat dan hati adalah bahagian pengetahuan. Jika pengetahuan hati dan penglihatan *fuad* disatukan, sesuatu yang tidak dapat dilihat akan dapat diketahui serta dirasai kesannya. Hal ini akan mengakibatkan seseorang hamba itu menjadi yakin. Jelas di sini bahawa *fuad* merupakan tempat makrifat dan rahsia-rahsia. Ia merupakan alat penglihat batin setiap kali seseorang mendapat sesuatu yang bermanfaat. Fuad terlebih dahulu merasa manfaat mendahului qalb. Fuad terletak di tengah-tengah qalb, manakala qalb terletak di tengah-tengah sadr iaitu dada (jamak: sudur).

Menurut Alias (2017) di dalam kajiannya membahagikan *fuad* dengan empat aspek dan ciri-ciri yang berbeza berdasarkan al-Quran. Pertama, aspek ontologi iaitu fuad ialah ciptaan Allah SWT dan dikuasai oleh-Nya. Kedua, aspek teleologi pula dengan pertanggungjawaban di akhirat dan merasai nikmat atau azab. Ketiga, aspek epistemologi iaitu fuad yang mengimani kebenaran wahyu dan tidak terhad kepada pandangan hanya pandangan mata kasar sahaja. Manakala yang keempat iaitu aspek aksiologi dengan menghasilkan nilai-nilai estetika seperti cinta dan memberi kesan kepada emosi.

Dari sudut metodologi penelitian Islami pula, fuad dari sudut epistemologinya berperanan dalam menyepadukan pendengaran dan penglihatan ketika mengamati objek penelitian, manakala dari sudut aksiologinya berperanan mencapai pengagungan Allah SWT daripada objek penelitiannya. Dari sudut ontologinya pula, fuad bertindak untuk mengetahui hakikat kewujudan dan menjelaskannya dengan menghubungkan alam metafizik dengan alam natural

ataupun alam kemanusiaan, manakala dari sudut teleologi, ia dapat memahami bahawa setiap objek penelitiannya adalah berasaskan takdir yang ditentukan oleh Allah SWT dan menjadi lebih bertanggungjawab terhadap baik atau buruk implikasi penelitiannya (Syahmir dan Syukri 2017).

فؤاد			
Bil	Ayat Al-Quran	Terjemahan Ayat	Sifat atau keadaan
1	وَكَلَّا نَقْصُ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُنَبِّئُ بِهِ فُؤَادَكَ (هود: ١٢٠)	Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan <u>hatimu</u> dengannya.	Keteguhan hati
2	إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْنُؤًا (الإسراء: ٣٦)	Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta <u>hati</u> , semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.	Hati juga tempat yang dipertanggungjawabkan
3	كَذَلِكَ لِنُنَبِّئَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا (الفرقان: ٣٢)	Demikian kerana Kami hendak menetapkan <u>hatimu</u> (wahai Muhammad) dengannya, dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu.	ketetapan hati
4	وَأَصْبَحَ فُؤَادُ أُمِّ مُوسَى فَارِغًا (القصص: ١٠)	Dan menjadilah <u>hati</u> ibu Musa kosong	Hati kosong
5	مَا كَذَبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَى (النجم: ١١)	<u>Hati</u> (Nabi Muhammad) tidak mendustakan apa yang dilihatnya.	Hati tidak dusta

Lubb

Secara bahasa kata *lubb* diambil dari kata *labba* yang berarti bersih atas segala sesuatu, yakni akal yang bersih dari cela. Al-Hakim menjelaskan bahwa menurutnya *lubb* terkait dengan cahaya tauhid, yang terlahir darinya ketakutan dan harapan. Cahaya tauhid tersebut tidak akan didapat kecuali dengan ibadah dan mujahada. Mujahadah seorang hamba terkait dengan pertolongan tuhan (ma`una rububiyah) dan hidayah-Nya (hidayah uluhiyah). Mujahadah seorang hamba tidak akan tercapai kecuali dengan persetujuan Allah dengan sikap dan pandangan yang baik terhadap apa yang sudah ditakdirkan Allah kepadanya dan segala hal yang terjadi padanya (Ryandi, 2014, hlm. 118).

Allah menciptakan manusia dengan sebaik-baik ciptaan, dan Allah memberikannya hati, roh, jiwa dan akal kepada manusia yang keempat hal ini adalah sisi dalam dari kehidupan manusia. Keempat istilah ini saling berkaitan, yaitu ada kaitannya dengan kerohanian atau boleh dikatakan kandungan dari rohani itu sendiri.

اولو الألباب			
Bil	Ayat Al-Quran	Terjemahan Ayat	Sifat atau keadaan
1	وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (البقرة: ١٧٩)	Dan di dalam hukuman Qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa.	Akal fikiran supaya bertaqwa
2	وَاتَّقُونَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ (البقرة: ١٩٧)	dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).	Akal yang memahami

3	وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ البقرة: ٢٦٩ ﴿	Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.	Akal menerima pengajaran
4	وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ (ال عمران : ٧) ﴿	Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.	Akal menerima pelajaran
5	إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ (عمران : ١٩٠) ﴿	Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal;	Akal memikir kejadian alam dan kekuasaan Allah
6	فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿المائدة : ١٠٠) ﴿	Oleh itu bertaqwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu berjaya.	Akal fikiran supaya berjaya
7	لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ .. ﴿يوسف : ١١١) ﴿	Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran.	Akal mengambil iktibar
8	﴿ أَفَمَنْ يَعْلَمُ أَنَّمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَى ۚ إِنَّمَا يَذَّكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ (الرعد: ١٩) ﴿	Maka adakah orang yang mengetahui bahawa Al-Quran yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu (wahai Muhammad) perkara yang benar, sama dengan orang yang buta matahatinya? Sesungguhnya orang-orang yang mahu memikirkan hal itu hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.	Akal yang berfikir adalah sempurna
9	هَذَا بَلَاغٌ لِّلنَّاسِ وَلِيُنذِرُوا بِهِ وَيَلْعَلُّوْا أَنَّمَا هُوَ إِلَهُ وَاحِدٌ وَيَذَّكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ (سورة ابراهيم : ٥٢) ﴿	(Al-Quran) ini disampaikan kepada manusia supaya mereka diberi ingat dan diberi nasihat dengannya; dan supaya mereka mengetahui (dengan hujjah-hujjah yang tersebut di dalamnya) bahawa sesungguhnya Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa; dan supaya orang-orang yang mempunyai fikiran, beringat dan insaf.	Akal sempurna mempunyai fikiran, peringatan dan insaf
10	كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِّيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ (ص: ٢٩) ﴿	(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.	Akal sempurna mengambil iktibar
11	وَوَهَبْنَا لَهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةً مِّنَّا وَذِكْرًا لِّأُولِي الْأَلْبَابِ (ص: ٤٣) ﴿	Dan Kami kurniakan (lagi) kepadanya -keluarganya, dengan sekali ganda ramainya, sebagai satu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang-orang yang berakal sempurna (supaya mereka juga bersikap sabar semasa ditimpa malang)	Akal sempurna mengambil peringatan

12	<p>أَمَّنْهُ هُوَ قَانِتٌ آنَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْأَجْرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿الزمر: ٩﴾</p>	<p>"(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya? "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.</p>	<p>Akal sempurna mengambil peringatan dan pelajaran</p>
13	<p>أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ يَنَابِيعَ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطَامًا ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿الزمر: ٢١﴾</p>	<p>Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkanNya menjadi matair-matair di bumi; kemudian Ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian Ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna.</p>	<p>Akal sempurna untuk kesedaran</p>
14	<p>هُدًى وَذِكْرًا لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿غافر: ٥٤﴾</p>	<p>Sebagai hidayah petunjuk dan peringatan bagi orang-orang yang berakal sempurna.</p>	<p>Akal sempurna mengambil peringatan</p>
15	<p>أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا ۗ فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ الَّذِينَ آمَنُوا ۗ قَدْ أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكُمْ ذِكْرًا ﴿الطلاق: ١٠﴾</p>	<p>Allah menyediakan bagi mereka azab seksa yang seberat-beratnya. Maka bertaqwalah kepada Allah kepada wahai orang yang berakal sempurna dari kalangan orang yang beriman. Sesungguhnya Allah telah menurunkan kepada kamu peringatan</p>	<p>berakal untuk taqwa.</p>

Perbincangan

Apabila bercakap tentang qalb, shadr, dan fuad ini, para pengkaji terdahulu telah mengemukakan pelbagai idea, setiap satu daripadanya mempunyai definisi yang berbeza dan unik. Qalb, jiwa atau hati manusia, menentukan sama ada situasi itu baik atau buruk. Hati juga menjadi tempat iman, ilmu, hikmah dan isyarat. Hati juga ialah organ dalaman yang mengawal peredaran darah dan berfungsi sebagai alat untuk perasaan dan pemikiran yang berkaitan dengan minda atau akal fikiran. Hati adalah sesuatu yang sangat halus, bersifat ketuhanan, batiniyah, dan kerohanian, yang sangat berkaitan dengan jantung. sehingga sesuatu perkara di tengah-tengah dada boleh dikenal pasti dan difahami.

Al-Quran menyatakan bahawa hati adalah tempat utama di mana Allah SWT berpusat untuk memimpin dan memberi petunjuk. Hati juga berfungsi sebagai peringatan dan penyaksian atas segala-galanya yang kita lakukan. Sifat hati yang berubah-ubah menyebabkan keadaan hati


yang tidak tetap dan berubah-ubah. Hati adalah tempat Allah membuka dan menutup ingatan. Jenis hati yang dinyatakan diklasifikasikan sebagai positif dan negatif. Memiliki sifat taat, suci, murni, sabar, tenang, tenang dan bebas daripada syirik adalah tanda hati yang positif. Hati yang negatif, sebaliknya, adalah hati yang sombong, lalai, kasar, dan berdosa. Hati yang berpenyakit mudah dikenali dengan hati yang negatif ini.

Seterusnya shadr adalah tempat qalb, atau dada, di mana cahaya Islam berada. Di sana, segala pengetahuan ikhtiari (pilihan) manusia yang mungkin lupa disimpan. Ada ini adalah bahagian yang memanjang dari bahagian bawah leher ke ruang di mana jantung dan paru-paru terletak. Dada adalah bahagian yang paling tinggi di atas segala-galanya dan bahagian yang paling awal atau jauh dari hati. Ada adalah dinding hati yang menerima keindahan untuk merasakan dan menghayati. Dada adalah tempat syaitan membisikkan perkara jahat dan di mana hak dan batil bercampur aduk. Didapati bahawa dada bukan sahaja menyimpan rasa cemas dan takut tetapi juga tempat menyimpan hasrat, kehendak, niat, kebenaran, dan keberanian. Shadr menjadi tempat di mana akal dan hati bertemu. Walau bagaimanapun, Shadr menurut al-Quran dianggap sebagai tempat dilapangkan dada untuk menerima hidayah Islam. Shadr adalah seorang yang bimbang, sempit, sedih, kekufuran dan kemurkaan. Nabi Musa berdoa supaya dada dilapangkan, bukan hanya hati, kerana baginda mahu Allah mengukuhkan semua yang diperlukan, bukannya hanya hatinya.

Walaupun fuad juga bermaksud hati, ia mempunyai makna yang sama seperti akal kerana ia mempunyai keupayaan untuk melihat dengan mata hati Nurani. Fuad adalah sebahagian daripada qalb, iaitu hati, tempat melihat, dan bahagian pengetahuan, yang terletak di tengah-tengah qalb. Fuad dikuasai dan dicipta oleh Allah SWT. Di akhirat, Fuad akan bertanggungjawab dan sama ada akan mendapat nikmat atau azab. Fuad juga seorang yang mengimani kebenaran wahyu dan tidak hanya melihat melalui mata kasar. Sebagai sebahagian daripada fua, perasaan cinta mempengaruhi emosi seseorang.

Dalam al-Quran, fuad dimaksudkan sebagai tempat di mana hati dikuatkan diteguhkan dan akan disoal oleh Allah. Walau bagaimanapun, fuad juga bermaksud hati kosong yang tidak menipu apa yang dilihat oleh hati Nurani. Lubb juga ada di dalam fuad. Serupa dengan retina mata, cahaya lampu, atau pati buah, buah badam berada di dalamnya. Mata, lampu, dan buah menjadi pelindung bagi mereka yang berada di dalamnya. Lubb juga merupakan umpa gunung yang besar dan martabat tertinggi yang tidak akan hilang atau bergerak.

Pembahagian keadaan *shadr*, *qalb*, *fu'ad* dan Lubb menurut Al-Hakim al-Tirmizi seperti di bawah:



Shadr	Qalb	Fuad	Lubb
Cahaya Islam	Cahaya Iman	Cahaya Makrifah	Cahaya Tauhid
Muslim	Mukmin	Arif	Muwahhid
Ilmu Syariah	Ilmu Hakikat	Rukyah Batiniyyah	Kebaikan dan keberkatan
Nafsu Ammarah	Nafsu Lawwamah	Nafsu Mulhamah	Nafsu Mutma'innah

(Mohamad Razif, 2019)

Kesimpulan

Pengkaji mendapati bahawa apabila mereka menyelidik definisi qalb, shadr, fuad dan lubb ini mempunyai makna yang berbeza. Walau bagaimanapun, ada yang berpendapat bahawa empat kalimah ini mempunyai maksud yang sama. Dada, atau shadr, adalah lapisan paling luar. Qalb, atau hati, terletak di dalam dada. Hati adalah tempat hati yang paling dalam. Lubb juga berada di dalam fuad. Allah SWT telah mencipta al-Quran dalam bahasa Arab untuk membolehkan hambanya berfikir. Sebagaimana firman-Nya di dalam Surah Yusuf:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

Terjemahan: Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya. (QS : 12 : 2)

Firman Allah yang seterusnya di dalam Surah al Zukhruf:

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٣﴾

Terjemahan: Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya. (QS : 43 : 3)

Allah SWT telah menggunakan kalimat-kalimah ini di dalam al-Quran sebagai panduan agar umat Nabi Muhammad sentiasa berada di dalam petunjuk serta tidak sesat. Sebagaimana firman Allah SWT:

أَوْ مَن كَانَ مَيِّتًا فَأَحْيَيْنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَن مَّثَلُهُ فِي الظُّلُمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا

Terjemahan: "Dan adakah orang yang (hatinya) mati, kemudian Kami hidupkan, dan Kami jadikan baginya cahaya (hidayah) yang menerangi (sehingga dapatlah ia membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan dapatlah) menyampaikan kebenaran itu kepada masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti orang yang (hatinya tetap mati) berada dalam berbagai kegelapan, yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya?"

Rujukan

- Ahmad Tajudin Arafat (2015), *Hakikat Hati Menurut Al-Hakim Al-Tirmizi*, UIN Walisongo Semarang, Fakultas Usuluddin, vol 1, no.1, jun 2015, 83
- Al-Hakim Al-Tirmizi (2009). *Bayan Al-Farq Baina Al-Shadr wal Qalb wal Fuad wal Lubb, Oman*.
- Alias, M. S. (2017). *Konsep al-Fuad dalam al-Qur'an: Analisis dari Perspektif Metodologi Penelitian Islami. Menemukan Kembali Paradigma Pembangunan Islami*, 219–246.
- Imam al-Ghazali, *Mutiara Ihya, Ulumuddin*, Cet. XVI, terj. Irwan Kurniawan, (Bandung: PT Mizan Pustaka, 2004), 195-196.
- Jalil, Muhammad Hilmi. (2016) "Konsep Hati Menurut Al-Ghazali", *Reflektika* 11, no. 1 (1 Januari 2016): 59–71. <https://doi.org/10.28944/reflektika.v11i1.37>
- Kamus Dewan Edisi Keempat, (2017)
- Kamus Dewan Edisi Pelajar (2017)
- Kamaruzaman, A. R., Che Rahim, N. A. M., Mohd Zulkafli, I., Mohd Subri, N. S., & Mohamed, S. N. (2023). *Qalb, Shadr dan Fuad: Satu Korelasi Mengikut I'jaz Bayani dan Tafsir al-Quran [Qalb, Shadr and Fuad: A Correlation According to I'jaz Bayani and Tafsir al-Quran]*. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 7(2), 37-48. <https://doi.org/10.37231/mjis.2023.7.2.227>
- Khairul Asyraf, Mohd Sukki (2021), *I'jaz Bayaniy Dan Perkembangan Kajian Menerusi Al-Qur'an*, *Jurnal Al-'Abqari*, 29-45.
- Mohamad Razif, 5 Januari 2019, <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/2986-al-afkar-35-maksud-qalb-fu-ad-dan-sadr>. Dicapai pada 13 September 2023
- Mohd Nathir, K.A. and Othman, M.S. 2021. *I'jaz Bayaniy dan Perkembangan Kajian Menerusi Al-Qur'an: I'jaz Bayaniy and Development of Research in Quran*. *'Abqari Journal*. 24, 1 (Apr. 2021), 29-45.
- Muhammad Fuad Abd Baqi (1989) *Al-Mu'jam al-Mufahras fi Alfaz al-Qur'an, Al-Qism Al'Adabi, Darul Kutub Al-Misriah, Qaherah*
- Muvid, M. B. (2021). *Zikir Penyejuk Jiwa: Panduan untuk Membersihkan Hati dan IJMembangun Akhlak Mulia*. Pustaka Alvabet.
- Mu'jam Alfaz al-Quran Al-Karim, 1989, Jumhuriyah Misr Al-Arabiyah, Juzk Awwal, Majma' Al-Lughah al-Arabiyah, al-Idarah al-'amah wa Ihya ah-thurath. Qaherah. 189.
- Nasikin, M., & Iskandar, I. (2021). *Hati Dalam Perspektif Al-Qur'an Dan Hadits. Mushaf Journal: Jurnal Ilmu Al Quran dan Hadis*, 1(1), 62-73.

- Susilawati, E. *Makna Kata Şadr Dalam Al-Qur'an (Perspektif Semantik Toshihiko Izutsu)* (Bachelor's thesis, FU).
<https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle/123456789/63367>
- Suarni, Irda Mawaddah (2017) *Lafaz Qalb, Shadr dan Fu'ad dalam Al-Qur'an*, Tafse: Journal of Qur'anic Studies, Vol. 2, No. 1, pp. 14-30, January-June 2017 <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/tafse>
- Tafsir Ibn Katsir (2017), *Lubab al-Tafsir*, Muassasah Dar al-Hilal Kairo, Caetakan kesepuluh, Pustaka Imam Asy-Syafie
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-afkar/2986-al-afkar-35-maksud-qalb-fu-ad-dan-sadr>